

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Laporan banci wadah gubal dasar bersasar

Laporan banci wadah gubal dasar bersasar

Maklumat jadi panduan penting pembangunan domestik, kekuatan daya saing negara

Oleh Rohaniza Idris dan Zanariah Abd Mutalib
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Laporan Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan 2020 akan menjadi wadah terbaik dalam mengaruskempenaan pembangunan domestik yang mampan, seterusnya meningkatkan kekuatan daya saing negara pada peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata perkara itu sangat diperlukan supaya kerajaan dapat menggubal da-

sar bersasar dan pengagihan kepada rakyat secara saksama.

Beliau berkata, banci akan digunakan sebagai input dalam membuat keputusan berasaskan bukti bagi penentuan geran per kapita, penggubalan dasar utama dan penanda aras dalam pengukuran Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) 2030.

Selain itu, katanya banci menjadi penanda aras terkini bagi indikator berdasarkan penduduk dan penilaian pencapaian serta penghasilan statistik kawasan kecil yang juga menjurus kepada keperluan pengukuran pencapaian Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) seterusnya meningkatkan taraf hidup yang wajar kepada Keluarga Malaysia.

"Statistik banci penduduk dan perumahan dapat memberi gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa Malaysia termasuklah saiz, taburan, komposisi dan ciri sosioekonomi penduduk serta perumahan," kata-

nya pada majlis pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci

Malaysia 2020.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah dan Ketua Pengangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Perdana Menteri menegaskan, maklumat banci yang diperoleh, membolehkan kerajaan menentukan bagaimana pembentahan bernilai berbilion ringgit dapat dibelanjakan di seluruh negara.

Katanya, melalui maklumat itu juga kerajaan dapat menyalurkan bantuan kewangan kepada rakyat yang layak dan memerlukan.

"Ini termasuk menangani jurang pendapatan dan kekayaan rakyat yang semakin melebar, membasi kemiskinan serta mengurus kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), termasuk golongan mudah terjejas (rentan ekonomi) dan terpinggir."

"Jabatan Perangkaan juga bertanggungjawab dalam menge-



Ismail Sabri bersama Mustapa (kanan) dan Mohd Uzir menunjukkan buku laporan pada Majlis Pelancaran Laporan Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 dan Forum Banci Malaysia 2020 di Shah Alam, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

luarkan pengiraan kumpulan isi rumah berpendapatan mengikut kategori B40, M40 dan T20.

"Kumpulan sasaran seperti warga emas dan golongan kelainan upaya, turut tidak akan terkecuali menikmati limpahan kesajahteraan ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, penghasilan profil terperinci akan digunakan membuat perancangan dan keputusan berkenaan perkhidmatan awam yang dipergunakan bagi setiap lokaliti seperti hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam.

Katanya, data banci juga akan

digunakan untuk pengiraan pendapatan perkapita, penggubalan dasar-dasar warga emas dan perancangan sosial.

Beliau menegaskan, kerajaan akan turut fokus kepada penyediaan generasi muda yang dapat mengharungi cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan memperkasakan kurikulum pendidikan sekolah dan universiti dengan memperkuatkan sistem pendidikan yang holistik serta melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kemahiran penilaian analitik berdasarkan data dan sains.